

## **DEPRESI DAN PENCAPAIAN AKADEMIK REMAJA DARI KELUARGA BERBEZA STRUKTUR**

**SITI NOR YAACOB**

**ANITA ABDUL RAHMAN**

*Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga*

*Fakulti Ekologi Manusia*

*Universiti Pertanian Malaysia*

*43400 Serdang, Selangor*

### **ABSTRACT**

*This study compared adolescents from single-parent and two-parents families with respect to depression and academic achievement. The data are based on a self-administered questionnaire distributed to 112 selected secondary school students. The statistical methods utilized are t-test and pearson correlation. Results show that adolescents from single-parent families obtained higher depression scores and lower academic achievement scores than adolescents from two-parent families. Additional analyses show significant differences between girls from single-parent and two-parent families for both variables examined. Depression was not significantly correlated with academic achievement among adolescents.*

### **Pendahuluan**

Struktur keluarga sering dikaitkan dengan pelbagai aspek perkembangan remaja. Remaja dari keluarga induk tunggal didapati mengalami lebih banyak masalah tingkah laku, sosioemosi, dan akademik berbanding remaja yang dibesarkan dalam keluarga dua induk (Astone & McLanahan, 1991; Bronstein, Caluson, Stoll & Abrams, 1993; Dawson, 1991; Keith & Finlay, 1988; Patterson, Kupersmidt & Vaden, 1990; Polasaari & Aro, 1994; Zimiles & Lee, 1991). Namun begitu kajian ini hanya memberi tumpuan kepada tahap depresi dan pencapaian akademik di kalangan remaja dari keluarga induk tunggal dan keluarga dua induk. Di samping itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti perkaitan di antara depresi dan pencapaian akademik.

### **Depresi**

Depresi adalah reaksi emosi yang terhasil akibat tekanan dan pengalaman traumatik yang dialami kerana kehilangan orang yang disayangi, bencana alam, atau kegagalan dalam hidup. Depresi yang keterlaluan boleh mengganggu kegiatan harian, menjejaskan pencapaian matlamat dan menyebabkan individu menyingkir diri dari kawan-kawan dan dunia luar (Faridah, 1994).

Polaraasi dan Aro (1994) menjalankan kajian ke atas remaja yang terlibat dengan keruntuhan keluarga akibat penceraihan ibu bapa. Mereka mendapati penceraihan

menyumbang kepada depresi, tekanan emosi, dan masalah salah laku di kalangan anak-anak. Hasil kajian ini konsisten dengan kajian Coleman dan Ganong (1990) yang mendapati remaja yang terpisah dari keluarga mengalami depresi yang lebih tinggi.

Kajian Nolen-Hoeksema (1991) pula mendapati struktur keluarga dan jantina memberi kesan penting kepada masalah depresi di kalangan remaja. Golongan perempuan lebih cenderung untuk mengalami depresi berbanding lelaki (Carson & Butcher, 1992). Ini terjadi mungkin disebabkan wanita lebih mengambil berat tentang keadaan persekitarannya serta lebih mudah terganggu emosinya apabila menghadapi masalah.

Depresi di kalangan remaja mempunyai perhubungan yang rapat dengan pencapaian akademik dan masalah-masalah di sekolah (Tesiny, Lefkowitz & Gordon, 1985). Kajian ini mendapati depresi mempunyai perkaitan songsang dengan kemahiran membaca, skor matematik dan kecerdasan. Remaja yang mengalami depresi dikatakan sebagai lambat berfikir dan mengalami kesukaran berinteraksi.

### **Pencapaian Akademik**

Pencapaian akademik umumnya mempunyai implikasi taraf sosioekonomi jangka panjang dan kurang pendidikan adalah penentu masalah pengangguran (Krein & Beller, 1988). Keluarga induk tunggal biasanya mempunyai kekurangan dari segi sumber masa dan wang. Kekurangan ini mungkin mempengaruhi pelaburan keluarga dalam proses pembelajaran dan persekolahan anak (McLanahan, 1985).

Bronstein dan rakan-rakan (1993) membandingkan penyesuaian sosial, psikologi, dan akademik di kalangan kanak-kanak berusia 9 hingga 12 tahun dari pelbagai struktur keluarga. Kajian mereka mendapati bahawa anak-anak yang tinggal dalam keluarga tradisional (mempunyai kedua-dua ibu dan bapa biologi) mempamerkan tahap penyesuaian sosial, psikologi, dan akademik yang lebih tinggi berbanding dengan anak-anak yang tinggal dalam lain-lain struktur keluarga. Dapatan kajian Bronstein dan rakan-rakan mengenai pencapaian akademik mempunyai persamaan dengan hasil kajian Patterson dan rakan-rakan (1990). Patterson dan rakan-rakan mengkaji remaja bersekolah yang tinggal bersama ibu tunggal. Mereka mendapati bahawa remaja dari keluarga induk tunggal tidak memperolehi kejayaan yang setanding dengan remaja dari keluarga dua induk dalam ujian membaca, lisan, dan matematik. Wallerstein (1987) dalam kajiannya terhadap keluarga yang telah bercerai mendapati remaja dalam keluarga ini mengalami kemerosotan pelajaran yang ketara dan kerap ponteng sekolah. Remaja ini juga suka mengalah, terlalu merendah diri, dan kurang keyakinan diri. Dalam kajian lain Amato (1987) mendapati pencapaian akademik remaja turut terganggu akibat permasalahan hasil daripada penceraian atau perpisahan kedua ibu bapa.

## **Metodologi**

### **Sampel**

Kajian ini melibatkan seramai 112 orang remaja berusia di antara 15 hingga 17 tahun dari sebuah sekolah menengah di Rompin, Pahang. Dari jumlah ini 44 orang responden adalah remaja dari keluarga induk tunggal dan 68 orang adalah remaja dari keluarga dua induk. Keluarga induk tunggal dalam kajian ini ialah keluarga yang diketuai oleh ibu akibat penceraian atau kematian pasangan. Keluarga dua induk pula ialah keluarga yang mempunyai ibu dan bapa tinggal bersama. Remaja dari keluarga induk tunggal dipilih secara persampelan bertujuan, manakala remaja dari keluarga dua induk dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah.

### **Pengukuran Pembolehubah**

#### **Depresi**

Depresi remaja diukur menggunakan skala 'Beck Depression Inventory (BDI)' oleh Beck (1967). Skala ini mengandungi 18 aspek yang berkaitan dengan simpton depresi seperti perasaan sedih, kurang semangat, perasaan gagal, perasaan tidak puas hati, rasa bersalah, kekecewaan, minat, kebolehan membuat keputusan, perubahan selera makan, kesihatan dan sebagainya. Bagi setiap aspek, terdapat empat kenyataan untuk dibuat pilihan. Responden diminta memilih satu kenyataan yang benar-benar menggambarkan dirinya sepanjang dua minggu yang lepas termasuk pada hari kajian dijalankan. Setiap kenyataan diberikan skor tertentu. Contohnya, bagi aspek perasaan kecewa skor diberikan seperti berikut:

- 0 = Saya tidak merasa kecewa dengan diri saya
- 1 = Saya kecewa dengan diri saya
- 2 = Saya benci dengan diri saya
- 3 = Saya amat membenci diri saya

Skor diberikan supaya skor yang tinggi menggambar tahap depresi yang tinggi dan sebaliknya. Skor tertinggi yang boleh diperoleh oleh responden ialah 54 manakala skor paling rendah ialah 0. Ujian kebolehpercayaan terhadap skala depresi menghasilkan nilai alpha bersamaan dengan 0.85.

#### **Pencapaian Akademik**

Pencapaian akademik diukur berdasarkan pencapaian remaja dalam 6 subjek teras dalam peperiksaan akhir tahun 1995. Enam subjek teras yang diukur ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah, dan Pengetahuan Islam. Subjek ini dipilih kerana ia diambil oleh semua pelajar yang terlibat sebagai responden kajian. Gred yang

diperolehi oleh responden bagi setiap subjek diberikan skor seperti berikut: Gred A=4, B=3, C=2, D=1, dan F=0.

Skor bagi kesemua subjek dijumlahkan supaya semakin tinggi skor menunjukkan semakin baik tahap pencapaian akademik remaja. Skor paling tinggi yang boleh diperolehi remaja ialah 24 manakala skor paling rendah ialah 0 iaitu gagal dalam semua subjek peperiksaan.

### **Analisis Data**

Maklumat kajian dianalisis menggunakan perisian "Statistical Package for the Social Science for Windows" (SPSS for Windows). Statistik deskriptif digunakan untuk memerihalkan data. Bagi menguji perbezaan tahap depresi dan pencapaian akademik di antara remaja daripada keluarga induk tunggal dan remaja daripada keluarga dua induk, ujian-t telah digunakan. Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk menguji perkaitan antara depresi dan pencapaian akademik remaja.

### **Hasil Kajian dan Perbincangan**

#### **Latar Belakang Responden dan Keluarga**

Jadual 1 membentangkan maklumat mengenai jantina responden, pendapatan keluarga, sebab menjadi induk tunggal, dan tempoh menjadi induk tunggal, dan tempoh menjadi induk tunggal. Dari 112 orang remaja yang dikaji, seramai 50 orang (44.6%) adalah remaja lelaki dan 62 orang (55.4%) adalah remaja perempuan. Remaja dari keluarga induk tunggal terdiri dari 22 orang perempuan dan 22 orang lelaki. Manakala remaja dari keluarga dua induk pula terdiri dari 28 orang lelaki dan 40 orang perempuan.

Pendapatan keluarga induk tunggal ialah di antara RM50.00 hingga RM1,200.00 sebulan dan pendapatan purata ialah RM352.96 dengan sisihan piawai bersamaan 266.26. Dari Jadual 1 didapati sebanyak 36 keluarga induk tunggal (81.8%) berpendapatan kurang dari RM500.00 sebulan, 6 keluarga (13.7%) mempunyai pendapatan di antara RM500.00 hingga RM1,000.00 sebulan dan hanya 2 keluarga (4.5%) mempunyai pendapatan melebihi RM1,000.00 sebulan. Bagi keluarga dua induk pula sebilangan besar (42.6%) mempunyai pendapatan di antara RM500.00 hingga RM1,000.00 sebulan. Ini diikuti oleh kategori berpendapatan di bawah RM500.00 sebulan iaitu sebanyak 32.4% dan yang selebihnya (25.5%) mempunyai pendapatan lebih dari RM1,000.00 sebulan. Purata pendapatan bulanan keluarga dua induk ialah RM866.53 dengan pendapatan minimum bersamaan RM150.00, pendapatan maksimum bersamaan RM4,00.00, dan sisihan piawai ialah 693.05. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa keluarga induk tunggal adalah lebih miskin berbanding dengan keluarga dua induk. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian lalu yang merumuskan bahawa keluarga induk tunggal sering dikaitkan dengan penurunan taraf hidup dan kemiskinan (McLanahan, 1985).

Di dalam keluarga induk tunggal, seramai 16 orang ibu responden menjadi ibu tunggal disebabkan perceraian dan 28 orang menjadi ibu tunggal disebabkan kematian suami. Tempoh purata menjadi ibu tunggal ialah selama 7 tahun. Seramai sembilan orang menjadi ibu tunggal kurang dari tempoh lima tahun, 30 orang telah menjadi ibu tunggal di antara 5 hingga 10 tahun, dan 5 orang telah hidup sebagai ibu tunggal lebih dan 10 tahun.

Jadual 1. Latar Belakang Responden dan Keluarga

	Keluarga Induk Tunggal		Keluarga Dua Induk	
	n	%	n	%
<b>Jantina</b>				
Lelaki	22	50	28	41.2
Perempuan	22	50	40	58.8
<b>Pendapatan Keluarga (RM)</b>				
<500	36	81.8	22	32.4
500 - 1,000	6	13.7	29	42.6
>1,000	2	4.5	17	25.0
Purata	352.96		866.53	
Minimum	50		150	
Maksimum	1,200		4,000	
Sisihan piawai	266.26		693.05	

**Tempoh Jadi Keluarga Induk Tunggal**

<5 tahun	9	20.5
5 - 10 tahun	30	68.1
>10 tahun	5	11.4

**Sebab Jadi Keluarga Induk Tunggal**

Perceraian	16	36.4
Kematian pasangan	28	63.6

## **Depresi dan Pencapaian Akademik**

Hasil ujian-t bagi depresi dan pencapaian akademik remaja dari keluarga berbeza struktur ditunjukkan dalam Jadual 2. Hasil kajian mendapati wujud perbezaan signifikan skor depresi di antara remaja dari keluarga induk tunggal dan remaja dari keluarga dua induk ( $t = 4.60, p < 0.001$ ). Purata skor depresi yang diperolehi oleh remaja dari keluarga induk tunggal ialah 10.90 berbanding remaja dari keluarga dua induk yang memperolehi skor purata sebanyak 5.62. Skor ini menunjukkan bahawa remaja yang hidup dalam keluarga induk tunggal mengalami depresi yang lebih tinggi dari remaja yang tinggal bersama kedua-dua ibu dan bapa. Dengan kajian ini konsisten dengan kajian lalu yang mendapati bahawa remaja yang kehilangan keluarga atau salah satu ahli keluarga mengalami depresi yang lebih tinggi dari remaja lain (Bronstein et.al., 1993; Coleman & Ganong, 1990). Mengikut Wallerstein, Corbin, dan Lewis (dalam Bigner, 1994) keluarga induk tunggal yang diketuai ibu biasanya berinteraksi dengan anak-anak secara autoritarian. Mengikut Miller (dalam Bigner, 1994), pola interaksi autoritarian menyekat perkembangan autonomi, menjejaskan penghargaan sendiri dan emosi serta menggalakkan perkembangan neurosis di kalangan anak.

Jadual 2 juga menunjukkan bahawa wujud perbezaan signifikan skor pencapaian akademik di antara remaja dari keluarga berbeza struktur ( $t = -.206, p < 0.05$ ). Skor purata pencapaian akademik remaja dari keluarga induk tunggal adalah lebih rendah (8.25) berbanding purata skor yang diperolehi remaja dari keluarga dua induk (10.97). Dapatan kajian ini menyokong kajian lalu yang mendapati bahawa remaja dari keluarga induk tunggal mempunyai prestasi pencapaian akademik yang lebih rendah berbanding rakan sebaya dari struktur keluarga yang berbeza (Astone & McLanahan, 1991; Dombusch et al., 1987; Keith dan Finlay, 1988; Milne, Myers, Rosenthal & Ginsburg, 1986).

Keluarga induk tunggal biasanya mengalami kesukaran ekonomi (Bigner, 1994) dan dikaitkan dengan penurunan taraf hidup dan kemiskinan (McLanahan, 1985). Keadaan ini boleh menyebabkan perbelanjaan harian tidak dapat dipenuhi terutamanya perbelanjaan untuk keperluan persekolahan anak. Kekurangan sumber pembelajaran boleh mengurangkan minat untuk belajar dan seterusnya menjejaskan pencapaian akademik remaja.

Ujian-t juga dilakukan untuk mengenalpasti sama ada wujud perbezaan skor depresi dan pencapaian akademik di kalangan remaja lelaki dan perempuan dalam keluarga induk tunggal dan keluarga dua induk. Dari jadual 2 didapati wujud perbezaan skor depresi dan pencapaian akademik di antara remaja lelaki dari keluarga induk tunggal dan keluarga dua induk. Walau bagaimanapun perbezaan skor ini tidak signifikan pada  $p < 0.05$  (depresi:  $t = 1.3$ ; pencapaian akademik:  $t = -0.84$ ). Bagi remaja perempuan pula, didapati remaja perempuan dari keluarga induk tunggal memperolehi skor depresi yang lebih tinggi (12.91) berbanding remaja perempuan dari keluarga dua induk (4.97). Perbezaan ini

signifikan pada  $p > 0.001$  ( $t = 5.56$ ). Bagi pencapaian akademik pula, wujud perbezaan skor yang signifikan di antara remaja perempuan dari keluarga berbeza struktur ( $t = -1.96$ ,  $p = 0.05$ ). Remaja perempuan dari keluarga induk itu memperoleh skor pencapaian akademik yang lebih rendah (8.05) berbanding remaja perempuan dari keluarga dua induk (11.55).

Dengan menggunakan ujian-t, analisis statistik dilaksanakan untuk memeriksa perbezaan depresi dan pencapaian akademik di antara remaja lelaki dan perempuan yang hidup dalam struktur keluarga yang serupa. Dapatan kajian menunjukkan tidak ada perbezaan signifikan skor depresi di antara remaja lelaki dan perempuan dari keluarga induk tunggal ( $t = -1.86$ ,  $p > 0.05$ ) dan keluarga dua induk ( $t = 1.27$ ,  $p > 0.05$ ). Ujian menggunakan skor pencapaian akademik juga memberikan hasil yang serupa. Tidak wujud perbezaan skor akademik yang signifikan di antara remaja lelaki dan perempuan dari keluarga induk tunggal ( $t = 0.24$ ,  $p > 0.05$ ) dan keluarga dua induk ( $t = 0.76$ ,  $p > 0.05$ ). Berdasarkan hasil kajian ini dapat dirumuskan bahawa struktur keluarga tidak memberi kesan yang berbeza kepada remaja lelaki dan perempuan. Dapatan ini mungkin boleh dikaitkan dengan kajian Allison dan Furstenberg (1989) yang merumuskan bahawa penceraian memberi kesan negatif yang sama kepada lelaki dan perempuan terutamanya di peringkat remaja.

Jadual 2. Ujian-t Depresi dan Pencapaian Akademik Remaja dari Keluarga Berbeza Struktur

	Keluarga Induk Tunggal	Keluarga Dua Induk	Nilai T
	Purata	Purata	
<b>Depresi</b>			
Semua responden	10.90	5.62	4.60***
Lelaki	8.91	6.54	1.31
Perempuan	12.91	4.97	5.56***
<b>Pencapaian Akademik</b>			
Semua responden	8.25	10.97	-2.06*
Lelaki	8.45	10.14	-0.84
Perempuan	8.05	11.55	-1.96

\*\*\* - $p < 0.001$

• - $p = 0.05$

Analisis juga dijalankan bagi mengenalpasti sama ada terdapat perkaitan di antara pencapaian akademik dan depresi di kalangan remaja. Hasil ujian Korelasi Pearson yang dibentangkan dalam Jadual 3 menunjukkan tidak wujud perkaitan yang signifikan di antara pencapaian akademik dan depresi bagi semua remaja ( $r=-.06$ ), remaja keluarga induk tunggal ( $r=-.05$ ) dan remaja keluarga dua induk ( $r=-.07$ ). Hasil kajian ini walau pun mempunyai arah perkaitan yang sama, tidak menyokong kajian lalu yang mendapati wujud perkaitan yang sama, tidak menyokong kajian lalu yang mendapati wujud perkaitan signifikan di antara pencapaian akademik dan depresi (Tesiny dan rakan-rakan 1985). Mereka yang mengalami depresi dikatakan lambat berfikir dan mendapat markah yang rendah di dalam pelajaran di sekolah.

Jadual 3: Nilai Ujian Korelasi Pearson Bagi Depresi dan Pencapaian Akademik

	Pencapaian Akademik		
	Semua	Keluarga Induk Tunggal	Keluarga Dua Induk
	r	r	r
Depresi	-.06	-.05	-.07

### Rumusan

Secara amnya dapatan kajian ini menyokong bukti hasil kajian lepas yang mendapati bahawa kehidupan dalam keluarga induk tunggal memberi kesan negatif kepada pelbagai aspek perkembangan remaja (Amato, 1987; Astone & McLanahan, 1991; Bronstein et al., 1993; Coleman & Ganong, 1990; Patterson, 1990; Polasaari et al., 1994; Tesiny et al., 1985). Pertama, kajian ini menunjukkan bahawa remaja dari keluarga induk tunggal mengalami depresi yang lebih tinggi dan memperolehi pencapaian akademik yang lebih rendah berbanding dengan rakan sebaya dari keluarga dua induk. Kedua, skor depresi dan pencapaian akademik remaja lelaki tidak berbeza secara signifikan mengikut struktur keluarga. Walau bagaimanapun, bagi remaja perempuan wujud perbezaan signifikan. Remaja perempuan dari keluarga induk tunggal mengalami depresi yang lebih tinggi dan mempamerkan pencapaian akademik yang lebih rendah. Ketiga, hasil kajian juga mendapati struktur keluarga tidak memberi kesan yang berbeza kepada remaja lelaki dan perempuan. Akhir sekali, kajian ini juga mendapati tidak wujud perkaitan songsang yang signifikan di antara depresi dan pencapaian akademik.

Hasil kajiana ini perlu ditinjau berdasarkan limitasi kajian yang melibatkan saiz sampel yang kecil dan berdasarkan persepsi remaja sahaja. Di samping itu kajian ini hanya memberi tumpuan kepada struktur keluarga tanpa mengambil kira proses dan kefungsiian



✓ dalam keluarga terlibat serta menggunakan hanya analisis univariat. Selain dari itu struktur keluarga induk tunggal disebabkan kematian dan perceraian digabungkan dan jangka masa hidup dalam keluarga induk tunggal tidak diambil kira dalam analisis data. Oleh itu adalah dicadangkan supaya kajian akan datang mengenai fenomena ini menggunakan saiz sampel yang lebih besar, mengkategorikan struktur keluarga dengan lebih terperinci dan mengkaji kesan berdasarkan tempoh menjadi keluarga induk tunggal. Langkah ini mungkin memberi hasil yang berbeza. Kajian akan datang juga mungkin dapat memberi gambaran yang lebih tepat dan menarik jika kefungsiian keluarga difokuskan serta mempertimbangkan saling perkaitan di antara struktur dan kefungsiian keluarga dalam menghuraikan kesan negatif keluarga induk tunggal terhadap depresi dan pencapaian akademik remaja.

## RUJUKAN

- Allison, P.D. & Furstenberg, F.F. (1989). How marital dissolution affects children: Variations by age and sex. *Developmental Psychology*, 25(2):540-549.
- Amato, P.R. (1987). Family processes in one-parent, stepparent and intact families: The child's point of view. *Journal of Marriage and the Family*, 49:327-337.
- Astone, N.M. & McLanahan, S.S. (1991). Family structure, parental practices, and high school completion. *American Sociological Review*, 56: 309-320.
- Bigner, J.J. (1994). *Parent-child relations: an introduction to parenting*. New York: Macmillan College Publishing Company.
- Bronstein, P., Clauson, J., Stoll, M.F., & Abrams, C.L. (1993). Parenting behavior and children's social, psychological, and academic adjustment in diverse family structures. *Family Relations*, 42(3): 268-276.
- Carson, R.C. & Butcher, J.N. (1992). *Abnormal psychology and modern life*. USA: Harper Collins Publishers. Inc.
- Coleman, M. & Ganong, L. (1990). Remarriage and step-family research in the 1980s: Increased interest in an old family form. *Journal of Marriage and The Family*, 52: 925 - 940.
- Dawson, D.A. (1991). Family structure and children's health and well-being: Data from the 1988 National Health Interview Survey on child health. *Journal of Marriage and the Family*, 53: 573 - 584.

- Dobmusch, S., Ritter, P., Liederman, P., Roberts, D., & Fraleigh, M. (1987). The relation of parenting style to adolescent school performance. *Journal of Child Development*, 58: 1244 - 1257.
- Faridah Petah (1994). *Tahap depresi dan ciri-ciri sokongan sosial remaja dari keluarga induk tunggal dan remaja dari keluarga dua induk*. Penulisan Ilmiah Fakulti Ekologi Manusia, UPM.
- Keith, V.M. & Finlay, B. (1988). The impact of parental divorce on children's educational attainment, marital timing, and likelihood of divorce. *Journal of Marriage and the Family*, 50: 797 - 809.
- Krein, S.F. & Beller, A.H. (1988). Educational attainment of children from single-parent families: Differences by exposure, gender, and race. *Demography*, 25: 221 - 234.
- McLanahan, S. (1985). Family structure and the reproduction of poverty. *American Journal of Sociology*, 90: 837 - 901.
- Milne, A.M., Myers, D.E., Rosenthal, A.S., & Ginsburg, A. (1986). Single parents, working mothers, and the educational achievement of school children. *Sociology of Education*, 59: 125 - 139.
- Nolen-Hoeksema, S. (1991). *Sex differences in depression*. Stanford, CA: Stanford, CA: Stanford University.
- Patterson, C.J., Kupersmidt, J.B. & Vaden, N.A. (1990). Income level, gender, ethnicity and household composition as predictors of children's school-based competence. *Child Development*, 61: 485 - 494.
- Polasaari, U. & Aro, H. (1994). Effect of timing of parental divorce on the vulnerability of children to depression in young adulthood. *Journal of Adolescence*, 29: 681 - 690.
- Tesiny, E.P., Lekowitz, M.M. & Gordon, N.H. (1985). Childhood depression, locus of control and school achievement. *Journal of Educational Psychology*, 72: 506 - 510.
- Wallerstein, J.S. (1985). Children of divorce: report of a ten-year follow-up of early latency-age children. *American Journal of Orthopsychiatry*, 50, 119 - 211.
- Zimiles, H. & Lee, V.E. (1991). Adolescent family structure and educational progress. *Developmental Psychology*, 27(2): 314 - 320.